

SIARAN MEDIA
Kuala Lumpur, 15 Januari 2020

Penjelasan Khazanah berkaitan laporan media tentang PLUS Malaysia

Berikut adalah penjelasan Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) berkaitan beberapa laporan media tentang PLUS Malaysia Berhad (“PLUS”):

1. Kerajaan telah melaksanakan beberapa sesi libat urus dengan para pemegang saham PLUS dengan tujuan untuk mengurangkan bebanan tol ke atas pengguna lebuh raya dan bebanan pampasan ke atas Kerajaan, serta mengambil kira nilai konsesi lebuh raya bagi pemegang kepentingan hutang dan ekuiti sedia ada.
2. Khazanah sedia maklum tentang beberapa tawaran oleh pihak yang berminat yang tidak mempunyai sebarang kaitan dengan Khazanah. Khazanah seterusnya telah memberikan nasihat dan pandangan serta melaksanakan sesi libat urus dengan Kerajaan bagi membantunya dalam menentukan pertimbangan dasar ke arah mencapai matlamat yang dinyatakan di atas.

Khazanah ingin menegaskan sekali lagi bahawa sepanjang keseluruhan proses libat urus tersebut, Kerajaan telah bertindak secara profesional dan memegang teguh kepada prinsip tadbir urus yang bersesuaian dalam usaha untuk mendapatkan penyelesaian terbaik bagi perkara ini.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila layari www.khazanah.com.my atau hubungi Mohd Raslan Md Sharif di +603 2034 0000, atau emel di raslan.sharif@khazanah.com.my.

Tentang Khazanah Nasional Berhad

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) adalah dana pelaburan strategik Kerajaan Malaysia yang diamanahkan untuk memegang dan mengurus aset komersial Kerajaan dan melaksanakan pelaburan strategik. Khazanah terlibat dalam pelbagai sektor seperti kuasa, telekomunikasi, institusi kewangan, penjagaan kesihatan, penerbangan, infrastruktur, rekreasi & pelancongan, harta tanah, kreatif & media, pendidikan, dan inovasi & teknologi. Beberapa syarikat senaraian awam dalam portfolio pelaburan Khazanah termasuk Telekom Malaysia Bhd, Tenaga Nasional Bhd, CIMB Group, Axiata Group Bhd, IHH Healthcare Bhd, Malaysia Airports Holdings Bhd dan UEM Sunrise Bhd. Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila lawati www.khazanah.com.my.